

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC MENGANJURKAN SIRI KULIAH KEDUA PROFESOR RICHARD WHISH TENTANG PENGGABUNGAN DAN EKONOMI DIGITAL DALAM UNDANG- UNDANG PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 12 JANUARI 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Siri Kuliah Kedua Profesor Richard Whish yang memberi fokus kepada “Penggabungan dan Ekonomi Digital dalam Undang-undang Persaingan” yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, di Hotel Le Meridien, pagi ini.

Lebih 200 peserta terdiri daripada pegawai kerajaan, pengamal undang-undang, ahli ekonomi, ahli badan profesional, ahli institusi kewangan, ahli akademik, para pelajar dan ramai lagi telah menghadiri siri kuliah ini.

Siri kuliah ini telah mengumpulkan pakar-pakar dari pelbagai bidang kuasa terdiri daripada Profesor Richard Whish, Profesor Emeritus Undang-undang dari King's College London; Encik Will Hayter, Pengarah Kanan di Unit Pasaran Digital bagi Pihak Berkuasa Persaingan dan Pasaran (CMA), United Kingdom; Cik Krystal Uy-Sia, Pengarah Pejabat Penggabungan dan Pengambilalihan dari Suruhanjaya Persaingan Filipina (PCC) dan Cik Dominique Lombardi, seorang Peguam Kanan dari Singapura.

Pakar-pakar ini telah berkongsi, berbincang dan berbahas tentang perkembangan baharu yang penting dalam perundangan penggabungan di Eropah dan rantau ASEAN. Di samping itu, mereka juga berkongsi perspektif mereka berkenaan kepentingan pelaksanaan rejim kawalan penggabungan di Malaysia dan cabaran-cabaran yang dapat dijangkakan daripada pelaksanaan tersebut. Mereka juga telah berkongsi pandangan tentang kemunculan trend penguatkuasaan dalam kalangan pihak berkuasa persaingan dunia yang dipengaruhi oleh perkembangan pesat dalam bidang ekonomi digital dan tentang betapa pentingnya untuk Malaysia mempunyai perundangannya sendiri walaupun saiz ekonominya adalah kecil. Para peserta juga berpeluang untuk mendengar perkembangan terkini mengenai pendekatan yang

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

diambil oleh pasaran digital dan pengalaman CMA dalam menubuhkan Unit Pasaran Digital.

“MyCC dalam usahanya menghapus kartel dan penyalahgunaan kuasa monopoli telah mempamerkan rekod prestasi yang memberangsangkan dengan pengenaan penalti kewangan sebanyak lebih kurang RM 175 juta. Oleh itu, Kementerian menyokong penuh usaha MyCC dalam mencapai objektif-objektif yang telah digariskan oleh MyCC yang akan menyumbang kepada pengurangan kos sara hidup seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian. Kementerian juga akan terus komited dalam menjalankan kerjasama dengan MyCC dalam meneruskan usahanya untuk menghapus kartel dan penyalahgunaan kuasa monopoli serta usaha MyCC berkenaan dengan pindaan terhadap Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010 yang dijangkakan bakal dibentangkan seawal pertengahan tahun ini,” kata YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub dalam ucapan beliau di majlis pembukaan hari ini.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.